

- Memberikan pendidikan nilai moral, sosial dan kepentingan menghormati tubuh badan setiap orang.
- Menghapuskan seksisme dan stereotaip mengikut jantina
- Menghapuskan rasa malu dan stigma yang dikaitkan dengan keganasan seksual.

Agensi-agensi di sekitar Pulau Pinang yang dapat membantu

Jabatan Polis

- Pulau Pinang (Ibu Pejabat) 222 1522
- Balik Pulau 866 9222
- Pulau Tikus 228 0422
- Air Itam 826 8522
- Sungai Nibong 643 0222
- Jelutong 282 5922
- Bukit Mertajam 538 2222
- Butterworth 332 2222

Jabatan Kebajikan Masyarakat

- KOMTAR 650 5258
- Georgetown 226 4531
- Balik Pulau 866 8442
- Bukit Mertajam 538 2584
- Butterworth 331 3455
- Jawi/Nibong Tebal 582 1798

Hospital – Jabatan Kemalangan dan Kecemasan

- Hospital Pulau Pinang 222 5333
- Hospital Seberang Jaya 382 7333
- Hospital Balik Pulau 866 9333
- Hospital Bukit Mertajam 538 3333
- Hospital Sungai Bakap 582 4333

Pertubuhan-pertubuhan lain

- Pertubuhan Perlindungan Kanak-kanak 829 4046
- Biro Bantuan Guaman Pulau Pinang 229 0966

Sumber dari WCC

1. Pakej Pendidikan Penderaan Seksual Kanak-kanak Bijak itu Selamat (*Be Smart, Be Safe*) yang mengandungi:
 - Mengajar Kanak-kanak Langkah-langkah Keselamatan
 - Buku bergambar bertajuk, Saya dan Suara Kecil Saya
 - Pita video mengenai Program Keselamatan Diri, Ok Tak Ok
 - Buku Panduan menggunakan pita video
2. Working with Rape Survivors, A Handbook (2002).
3. Staying Safe: A pamphlet on Child Sexual Abuse.

Mauk maklumat lanjut, hubungi



PUSAT KESEDARAN WANITA
(Dahulunya Pusat Krisis Wanita)

24-D Jalan Jones
10250 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-228 0342 Fax: 04-228 5784
E-mel: wcc@wccpenang.org
Laman Web: www.wccpenang.org



PUSAT KESEDARAN WANITA
WOMEN'S CENTRE FOR CHANGE

Pusat Kesedaran Wanita (WCC) s
dang menyediakan satu siri risal
untuk melengkap
anda tentang hak-hak
anda.



Penderaan Seksual Kanak-kanak

Anak anda juga
boleh menjadi
mangsa



PUSAT KESEDARAN WANITA (WCC)
(Dahulunya Pusat Krisis Wanita)

24-D Jalan Jones, 10250 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-228 0342 • Fax: 04-228 5784

E-mel: wcc@wccpenang.org • Laman Web: www.wccpenang.org

Bilakah sesuatu tindakan itu dianggap penderaan seksual terhadap kanak-kanak?

Tindakan itu dianggap penderaan seksual terhadap kanak-kanak ialah apabila seorang kanak-kanak dieksploitasi untuk kepuasan seksual oleh seorang dewasa atau seseorang yang umurnya lebih tua daripada mangsa. Jika seseorang kanak-kanak itu telah disetubuhi oleh seorang ahli keluarganya, ia dikenali sebagai sumbang mahram.

Bilakah ia tidak dianggap sebagai penderaan seksual?

Kita tidak seharusnya terkeliru dengan keganasan seksual dan belaian mesra di antara seorang dewasa dengan seorang kanak-kanak. Seorang dewasa yang bertanggungjawab akan menghadkan belaian dan sentuhannya dengan kanak-kanak, menghormati kanak-kanak tersebut di samping mengekalkan perhubungan yang sihat dan mesra.

Skop dan Statistik

Mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2005, kes penderaan seksual kanak-kanak merangkumi 31.4% daripada jumlah kes penderaan kanak-kanak. Lebih kurang 93% mangsa penderaan seksual kanak-kanak ialah kanak-kanak perempuan dan baki 7% ialah kanak-kanak lelaki.

Statistik polis bagi tahun 2006 menunjukkan bahawa 67% mangsa sumbang mahram adalah di bawah

umur 16 tahun. 49% daripada pendera ialah bapa atau bapa tiri.

Penderaan seksual kanak-kanak berlaku dalam semua kumpulan etnik, agama, termasuk peringkat sosio ekonomi.

Siapakah yang melakukannya?

Perbuatan ini dilakukan oleh sesiapa sahaja yang berkuasa dan berpeluang berdamping dengan kanak-kanak. Daripada kes-kes yang telah dilaporkan, didapati sebanyak 90% kanak-kanak yang menjadi mangsa mengenali pelakunya; contohnya ibu bapa, saudara-mara, jiran, sahabat dan lain-lain.

Bagaimana ia dilakukan?

Berikut adalah beberapa cara penderaan seksual kanak-kanak boleh berlaku:

Bukan fizikal

- Stimulasi verbal
- Panggilan telefon lucah
- Ekshibisionis
- Exploitasi contohnya pelacuran dan pornografi

Secara Fizikal

Meraba kemaluan kanak-kanak

- Memaksa kanak-kanak meraba kemaluan pelaku
- Cuba menerobos atau menerobos faraj, mulut atau dubur kanak-kanak dengan objek atau jari dan / atau zakar pelaku



Bagaimana mengesan jika seorang kanak-kanak telah didera?

Seorang mangsa kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual dapat dikesan melalui simptom-simptom yang berikut:

Fizikal

- Bahagian kemaluan atau dubur menjadi merah/gatal
- Rasa sakit atau terdapat luka pada bahagian kemaluan/dubur
- Rasa sakit semasa buang air kecil
- Lelehan faraj dan zakar
- Rasa sakit di bahagian abdomen
- Penyakit kelamin
- Mengandung

Tingkah laku

- Suka berpaut
- Mengasingkan diri/menghisap jari
- Terbuang air kecil (kencing) di tempat tidur, tidak bersesuaian dengan umur
- Ponteng sekolah
- Prestasi yang lemah di sekolah
- Melarikan diri
- Menyalahgunakan arak dan dadah
- Percubaan membunuh diri
- Pelancapan yang kerap
- Tingkah laku menggoda
- Pengetahuan dan aktiviti seksual yang tidak sesuai dengan umur

Psikologi

Kemurungan yang dimanifestasikan melalui aduan-aduan somatik seperti:

- Sakit kepala
- Sakit perut
- Sakit dada
- Kepenatan
- Insomnia

- Rasa pening
- Sering menangis
- Histeria
- Takut yang tidak menentu
- Hilang selera makan
- Kurang tumpuan
- Rasa rendah diri

Bagaimanakah saya boleh membantu?

- Tenangkan fikiran dan yakinkan diri
- Percaya kata-kata kanak-kanak tersebut
- Memberi sokongan dan kepastian kepada kanak-kanak
- Melindungi kanak-kanak daripada terus didera
- Dapatkan bantuan perubatan dengan segera
- Laporkan kejadian di Jabatan Kebajikan Masyarakat / Balai Polis
- Menasihati dan membantu kanak-kanak untuk menjalani hidup normal semula
- Membenarkan ekspresi perasaan
- Dengar tetapi jangan paksa kanak-kanak memberikan maklumat
- Terus memberi keyakinan dan sokongan

Bagaimana saya boleh mengelakkan penderaan seksual kanak-kanak

- Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu keganasan seksual
- Mengubah pandangan masyarakat terhadap mangsa keganasan seksual

